

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA



DR AZHAR IBRAHIM

Hari kebesaran Aidilfitri adalah hari kemenangan kepada umat Islam, khususnya yang telah sempurna menjalankan ibadah puasa sepanjang Ramadan.

Di Nusantara, 1 Syawal dikenali sebagai Hari Raya Puasa.

Di Jawa, kekata Lebaran terpakai untuk merujuk hari kebesaran ini.

Setiap bangsa, pastinya akan menyambut Syawal dengan cara tersendiri, mengikut warisan dan adat resam masing-masing.

Walaupun bentuk sambutan berbeza-beza, inti dan makna pada Aidilfitri sudah banyak dirungkai dalam tradisi pemikiran dan keagamaan Islam.

SAMBUTAN BERBUDAYA

Daripada sambutan Hari Raya, dapat kita lihat kecenderungan budaya kita dan bagaimana masyarakat kita masih kuat berpegang pada adat resam serta warisan budaya turun-temurun.

Ini dapat kita lihat daripada pakaian busana tradisional Melayu yang dikenakan sepanjang Raya, persediaan hidangan Raya, serta kuih-muih.

Bulan baik ini juga menyaksikan semangat memberi.

Keluarga yang berkemampuan akan bersedekah kepada golongan yang kurang berkemampuan, agar mereka juga dapat menyambut Hari Raya, antaranya, melalui pemberian kuih-muih atau lauk-pauk untuk hidangan Aidilfitri.

Pada anak kecil atau pada orang tua, pastilah dihulurkan duit Raya.

Bukan sahaja yang masih hidup diberikan perhatian. Yang sudah pergi juga diingati.

Kubur dibersihkan dan doa dipanjatkan kepada si arwah.

Dari segi sosiologi, hari besar menjadi hari yang menyatukan keluarga dan saudara-mara, mengakrabkan taulan dan tetangga.

Bermula abad-ke 20 sehingga sedua dekad lalu, ada tradisi mengirim kad ucapan Hari Raya.

Sepanjang Ramadan, akan dicari kad yang tercantik untuk dikirimkan ke sahabat dan saudara.

Namun dengan berkembang pesatnya teknologi, cara mengucap 'Selamat Hari Raya' telah beralih wadah.

Satu lagi tradisi lama ialah menghiasi sekeliling rumah dengan lampu colok atau lampu lap-lip, apabila tibanya malam-malam tujuh likur.

Rumah kemudian dibasuh dan dibersihkan, kelengkapannya diperba-



Sumbangan yang terkumpul menerusi Tabung Amal Aidilfitri (TAA) banyak membantu menjayakan pelbagai usaha kebajikan bagi golongan kurang bernasib baik di Singapura, termasuk penyaluran bantuan kewangan, bahan masakan dan juadah Hari Raya. – Foto hiasan BM oleh NUR DIYANA TAHA

harui atau diganti, mencerminkan betapa keluarga Melayu sangat memberatkan kecantikan dan keselesaan rumah.

Bulan Raya juga menjadi masa di mana banyak masakan dan kuih-muih Melayu lama kembali terhidang.

Kuih tradisional seperti dodol, wajik dan baulu disiapkan.

Ketupat, lemang dan rendang pasti menjadi hidangan utama.

Hari Raya Aidilfitri ertinya juga meraikan warisan kebudayaan.

Bagi lelaki, baju Melayu dilengkapi dengan kain sampin, songkok dan capul.

Yang perempuan pula berbaju kurung, atau berkebaya, dengan lain-lain kelengkapan, seperti tudung dan perhiasan lainnya.

Rayahlah masa untuk bertukar baju yang baru. Bagi yang berkemampuan, ini perkara yang biasa sahaja.

Tetapi bagi keluarga berpendapatan rendah, inilah masanya pakaian anak-anak dapat diganti dengan yang baharu, serta kelengkapan rumah dicukupkan, dibersihkan dan diperbaharui.

Maka pada waktu Rayalah, warisan budaya Melayu, berserta kesedaran amalan keagamaan kita, diperhatikan dan dilaksanakan.

LAGU RAYA RIA DAN DUKA

Saban tahun, lagu-lagu Raya bertambah.

Banyak lagu-lagu Raya menggemaikan semangat mensyukuri hari kebesaran ini.

Beberapa tahun kebelakangan ini, dengan bercambahnya media sosial, lagu Raya tercipta dan kemudian menjadi

tular, dengan tarian Melayu digandingkan dengan lagu Raya tersebut.

Seperti pada 2026, lagu nyanyian Aisha Retno, *Jodoh Lebaran*, dengan tarian Melayu, menjadi keasyikan golongan remaja dan dewasa, siap dengan berbusana Melayu.

Semua ini memperligat semangat beraya serta memaparkan perasaan bangga dengan tradisi budaya sendiri.

Kreativiti berbudaya memang sangat menonjol apabila datangnya musim Raya.

Busana Melayu menjadi lebih beraneka dengan potongan gaya dan warna berganti seperti musim fesyen.

Malah ada muzik gamelan yang sudah mendendangkan lagu Raya seperti yang disusun oleh kumpulan Gangsapura di Malaysia.

Khas di Malaysia dan Singapura, lagu-lagu Raya sangat dinantikan.

Lagu-lagu Raya dicipta setiap Lebaran, sehingga ada beberapa lagu Raya yang lama sudah pun mencapai tahap 'klasik'.

Banyak lagu yang mengingatkan kita kepada kampung halaman, atau tempat negara asal.

Seperti dalam lagu *Dendang Perantau*, oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee:

"Di hari raya
Terkenang daku kepada si dia
Kampungku indah nun jauh di sana
Ayah serta bondaku
Di tepian mandi
Danauku hijau yang damai selalu
Nun di sanalah tempatku bertemu
Aku dan dia
Apakan daya

*Masa tak akan kembali
Hancur musnahlah semuanya
Impian yang murni
Tinggal menjadi kenang-kenanganku
Hanya rangkaian kata dengan lagu
dendang perantau."*

Bagi perantau inilah lagu paling bermakna kerana alunan dan gambarnya sangat syahdu dan pilu.

Bukan sahaja meninggalkan ibu bapa, tetapi juga meninggalkan orang yang dikasihi.

Itulah pengorbanan si perantau.

Kita sebagai pendengar turut berasa simpati kepada sanak saudara, sahabat malah kepada pembantu rumah yang berjauhan daripada keluarga sepanjang mereka bekerja di sini.

Malah ada lagu seperti *Sabarlah Sayang*, nyanyian Sanisah Huri gubahan Kassim Masdor.

Antara lirik dalam lagu itu terpadu kesanggupan mendekati mereka yang tidak bernasib baik.

"Pada mereka yang tak mengerti
Menuduh dirimu, di jurang kesalahan
saja
tak sampai hati, biarlah engkau sendiri


*Tetapi diriku dan juga temanmu
Yang tahu kisah derita dan luka di dada*

Hanyaku harapkan kau harus bersabar dan bertenang selalu."


Boleh sahaja ia dimaknakan kepada mereka yang pernah ditinggalkan, atau pernah dalam tahanan, atau pun dianggap tidak wajar didekati, kerana pekerjaan dan cara kehidupan mereka, dan sebagainya.

Apapun inilah juga keluarga dan sa-

kemasyarakatan disemarakkan sempena Lebaran



Persediaan hidangan Hari Raya seperti menganyam ketupat bersama mengeratkan silaturahmi antara ahli keluarga. – Foto hiasan BM oleh NUR DIYANA TAHA



Buku 'Pedoman Berhari Raya' diterbitkan pada 1941, sebagai satu panduan agar masyarakat Melayu Islam memahami makna hakiki sambutan Hari Raya. Buku ini telah diterbitkan semula oleh Akademi Jawi Malaysia pada 2024. – Foto FACEBOOK ILHAM BOOKS

habat yang wajar kita santuni dan sapa. Maka tradisi beraya kita ini sebenarnya terkandung banyak pesanan dan panduan agar menjalani kehidupan yang saling memberi, menyantuni, mendekati dan memaafi.

PEDOMAN BERHARI RAYA

Kita maklum bahawa terdapat kecenderungan dalam masyarakat Melayu untuk menyambut Hari Raya secara berlebihan, sehingga perbelanjaan rumah terganggu.

Ini juga yang menjadi keprihatinan dalam masyarakat.

Dari masa ke masa, kita mendengar seruan agar sambutan Hari Raya wajar dibuat dalam kesederhanaan.

Majalah *Bintang Malaya*, yang mula

diterbitkan pada 1939, melalui edisi khasnya, menyeru agar umat Islam dapat menyambutnya dengan kesederhanaan tetapi tetap bermakna.

Majalah ini umumnya menampung penulisan tentang kemasyarakatan dan keagamaan.

Ia kemudian disusun Sidang Pengarang *Bintang Malaya* dan diterbitkan dalam bentuk buku berjudul, *Pedoman Berhari Raya*.

Naskah ini diterbitkan pada 1941, sebagai satu panduan agar masyarakat Melayu Islam memahami makna hakiki sambutan Hari Raya, bagaimana ia sewajarnya disambut, dan apa yang mesti dijaui.

Selain menghimpunkan penjelasan tentang sambutan Hari Raya dalam masyarakat, buku ini juga menyentuh zakat fitrah, malam lailatulqadar, khutbah Hari Raya serta sebuah cerpen bertajuk *Hadih Hari Raya*.

Buku ini diterbitkan semula oleh Akademi Jawi Malaysia pada 2024.

Penulis, Chong Kok Hoong, menterjemahkan teks dalam buku ini daripada tulisan Jawi ke Rumi.

BUDAYA BERCAMBAH, REZEKI BERMURAH

Di kebanyakan negara, Ramadan dan Syawal merupakan musim berlangsungnya bazar yang memberi peluang

kepada peniaga kecil mencari rezeki. Kota dan daerah dihiasi dengan lampu hiasan.

Kegiatan keagamaan di masjid, baik yang bersangkutan dengan amalan beraya dan kemasyarakatan pesat dijalankan.

Rumah anak-anak yatim dan rumah tumpangan orang-orang tua turut disantuni.

Keluarga miskin serta pesakit yang terlanjar pula diziarahi oleh badan-badan setempat yang hadir membawa keperluan harian dan salam kasih sayang.

Di Singapura, bulan-bulan baik inilah digerakkan Tabung Amal Aidilfitri (TAA), yang mana sumbangan yang terkumpul nanti akan membantu banyak projek kebajikan.

Di peringkat peribadi, selain mengeluarkan zakat fitrah dan zakat harta, ramai juga orang yang bersedekah kepada yang miskin, yang susah dan yang sedang terlanjar.

Inilah Ramadan dan Syawal, waktu kita berpeluang untuk saling berkongsi.

Dalam pada itu, kita diperingatkan juga agar bukan sahaja menjauhi pemborosan dalam perbelanjaan, te-

tapi juga tidak bersikap kedekut atau lokek untuk menghulurkan sebahagian daripada kelebihan yang kita miliki.

Manfaatkanlah bulan-bulan mulia ini agar kebudayaan kita terlestari baik, sedangkan amal ibadat dan amal kebajikan kita terus meningkat.

Itulah yang akan menjanjikan Hari Raya yang bermakna sebagai hari kebesaran.

Ia dapat menegakkan kemanusiaan sebagaimana yang diseru dalam agama kita, selain hari besar ini juga memberi warna kepada budaya kita.

Disemat harapan ini dalam lafaz pantun:

“Lebaran disambut zaman berganti;
Hari kemenangan di akhir Ramadan,
Berjiwa kebudayaan wajar dicari;
Dalam beraya berinti kemanusiaan.”

► Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas *Berita Minggu* (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.

Ketika Semua Orang Berhak Merasakan Kebahagiaan

Idul Fitri datang membawa kegembiraan, takbir menggema memenuhi langit pagi, senyum menyapa dari wajah ke wajah, seakan dunia dipenuhi kedamaian. Di hari itu manusia berkumpul, keluarga saling merangkul, persaudaraan terasa hangat dalam kebersamaan yang sederhana. Namun Idul Fitri mengajarkan lebih dari sekadar perayaan, ia mengingatkan bahwa kebahagiaan bukan hanya untuk sebagian orang, tetapi untuk semua yang merasakannya. Ada mereka yang hidup dalam kekurangan, yang mungkin tak memiliki banyak harta, namun tetap berhak merasakan kehangatan hari yang penuh berkah. Maka tangan yang mampu berbagi menjadi cahaya bagi sesama, agar tidak ada hati yang merasa sendiri di tengah kegembiraan hari raya. Sebab di hari yang suci ini, Idul Fitri mengajarkan manusia bahwa kebahagiaan yang paling indah adalah kebahagiaan yang dirasakan bersama.

Dadan Nugraha